

# Tiga perjanjian persefahaman ditandatangani

UM 2 1 JUL 2011  
KOTA BHARU 20 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyaksikan tiga perjanjian persefahaman yang membolehkan sembilan syarikat berasaskan teknologi maklumat bagi membantu menjayakan projek sekolah bestari.

Turut menandatangani perjanjian itu yang diadakan di sini hari ini ialah Penasihat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed.

Perjanjian pertama membolehkan United Multimedia Sdn. Bhd. (UMM), KUB Telekomunikasi Sdn. Bhd., Sun Microsystems, CISCO System, Vads Bhd. dan APEX Communication Group.

Perjanjian kedua pula membolehkan UMM dan Telekom Smart School Sdn. Bhd.

Bagi perjanjian ketiga membolehkan KUB Tekstil Sdn. Bhd. dan Kurnia Insurans.

Sementara itu, Ketua Eksekutif United Multimedia (UMM), Dr. Mohamad Salmi Mohd. Sohod memberitahu pemberita selepas majlis itu, teknologi bagi menyiapkan sebuah Universiti Maya (Unitar) boleh membantu menjayakan projek sekolah bestari.

Katanya, pada masa yang sama syarikat-syarikat berkenaan akan memastikan modul pendidikan sekolah bestari yang ditajanya mampu menjadi

kan modul yang boleh didokumentasikan untuk Kementerian Pendidikan.

“Dengan ini Kementerian Pendidikan boleh membuat satu penilaian lebih menyeluruh tentang pelaksanaan e-pembelajaran ke 9,000 buah sekolah yang terlibat,” katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan program itu yang mendapat persetujuan dan kerjasama Kementerian Pendidikan dilaksanakan secara projek neritis.